

## BAB 7

### ANALISIS KESILAPAN

Satu analisis kesilapan telah dijalankan bagi mengkaji sejauh mana kebenaran ramalan-ramalan yang dibuat dalam analisis kontrastif. Analisis kesilapan memainkan peranan penting dalam kajian ini kerana analisis ini berlandaskan contoh-contoh kesilapan yang sebenarnya dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu. Penganalisisan kesilapan-kesilapan bahasa itu membolehkan penyelidik mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam mempelajari bahasa sasaran. Richards (1974) membahagikan kesilapan tersebut kepada kesilapan antara bahasa (*interlingual errors*) dan kesilapan dalam bahasa (*intralingual errors*). Kesilapan antara bahasa adalah disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Kesilapan dalam bahasa timbul akibat daripada proses generalisasi melampau dalam bahasa sasaran (*over generalization*), kejahanan tentang sekatan peraturan bahasa (*ignorance of rules restrictions*), penggunaan peraturan bahasa secara tidak sempurna (*incomplete application of rules*) dan pembentukan hipotesis dengan konsep yang salah (*false concepts hypothesized*).

Analisis kesilapan dan analisis kontrastif ialah teknik yang saling melengkapi dalam bidang penyelidikan bahasa asing. Dapatan daripada analisis kontrastif boleh

dibandingkan dengan dapatan daripada analisis kesilapan untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Berikut merupakan analisis kesilapan yang dijalankan untuk meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu dalam penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina.

### **7.1 Tujuan Diadakan Analisis Kesilapan**

Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk meneliti kesilapan-kesilapan sebenar yang dilakukan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran penjodoh bilangan bahasa Cina di Universiti Teknologi Mara. Kajian ini dijalankan oleh penyelidik dari 29 Julai hingga 2 Ogos 2002 berdasarkan soal selidik dan ujian beraneka pilihan yang diberikan kepada pelajar-pelajar.

### **7.2 Prosedur Analisis**

#### **7.2.1 Subjek**

Dalam kajian kes ini, subjek yang dipilih terdiri daripada 40 orang pelajar di UiTM, Shah Alam. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar Kursus Bahasa Cina Tahap 3. Penyelidik merupakan pensyarah kursus bahasa Cina kepada semua subjek. Pelajar-pelajar telah mengambil Kursus Bahasa Cina Tahap 1 dan Tahap 2 serta lulus dalam peperiksaan sebelum mengambil Kursus Bahasa Cina Tahap 3. Kursus ini mengambil masa 2 jam seminggu dan jumlahnya 30 jam dalam satu semester. Kursus ini bermula dari Mei 2002 hingga Oktober 2002.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada soal selidik, subjek kajian ini terdiri daripada 12 orang lelaki dan 28 orang perempuan yang berbangsa Melayu. Daripada jumlah subjek ini, seramai 38 (95%) orang pelajar berumur dalam lingkungan 20-24 tahun manakala hanya 2 (5%) orang pelajar berumur dalam lingkungan 25-29 tahun. Daripada 40 orang pelajar itu, 21 (52.5%) orang pelajar adalah daripada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang manakala 19 (47.5%) orang pelajar adalah daripada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar kepada semua subjek pada masa sekolah rendah dan sekolah menengah. Pada masa universiti pula, bahasa pengantar mereka ialah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Dari segi penguasaan bahasa, sebahagian besar subjek berpendapat bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu mereka adalah baik. Jadual 7.1 menunjukkan terdapat 37.5% subjek menganggap diri mereka dapat menguasai bahasa Melayu dengan amat baik, 57.5% pada tahap baik dan 5% pada tahap sederhana.

Jadual 7.1: Tahap Penguasaan Bahasa Melayu

Tahap Penguasaan bahasa Melayu	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Amat baik	15	37.5
Baik	23	57.5
Sederhana	2	5
Lemah	0	0
Jumlah	40	100%

Sebahagian besar subjek dalam kajian ini mempunyai motivasi pembelajaran yang tinggi. Jadual 7.2 menunjukkan 22.5% subjek amat berminat dalam

pembelajaran bahasa Cina, 75% subjek berminat dan hanya 2.5% subjek yang mengatakan mereka kurang berminat. Tiada seorang pun yang menganggap dirinya tidak berminat langsung dalam kursus bahasa Cina.

Jadual 7.2: Tahap Minat dalam Pembelajaran Bahasa Cina

Tahap Minat	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Amat berminat	9	22.5
Berminat	30	75
Kurang berminat	1	2.5
Tidak berminat	0	0
Jumlah	40	100

Setiap subjek didapati meluangkan masa untuk membuat ulang kaji setiap hari. Jadual 7.3 menunjukkan usaha subjek dalam kerja ulang kaji. Terdapat 45% subjek meluangkan masa kurang daripada 1 jam untuk membuat ulang kaji, 42.5% subjek mengambil masa 1-2 jam, 10% subjek mengambil masa 2-3 jam dalam sehari dan 2.5% subjek mengambil masa lebih daripada 3 jam dalam sehari.

Jadual 7.3 : Masa Membuat Ulang kaji Setiap Hari

Bilangan Jam	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Kurang daripada 1 jam	18	45
1-2 jam	17	42.5
2-3 jam	4	10
Lebih daripada 3 jam	1	2.5
Jumlah	40	100

Subjek-subjek kajian mempunyai beberapa tujuan dalam pembelajaran bahasa Cina. Jadual 7.4 menunjukkan bahawa terdapat 60% subjek yang mengikuti kursus ini bertujuan memenuhi keperluan kerjaya, 20% subjek yang bertujuan

memenuhi keperluan kursus, 17.5% subjek yang bertujuan berinteraksi dengan orang Cina dan 2.5% yang ingin menambah pengetahuan dalam bahasa Cina.

Jadual 7.4: Tujuan Pembelajaran Bahasa Cina

Tujuan	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Keperluan kerjaya	24	60
Keperluan kursus	8	20
Berinteraksi dengan orang Cina	7	17.5
Menambah pengetahuan	1	2.5
Jumlah	40	100

Jadual 7.5 di bawah menunjukkan tahap minat subjek dalam pembelajaran tajuk penjodoh bilangan bahasa Cina. Terdapat 10% subjek yang menganggap diri mereka amat berminat dalam pembelajaran penjodoh bilangan bahasa Cina, 75% mendakwa diri mereka berminat dan 15% yang mendakwa diri mereka kurang berminat.

Jadual 7.5: Tahap Minat Dalam Pembelajaran Penjodoh Bilangan Bahasa Cina

Tahap Minat	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Amat berminat	4	10
Berminat	30	75
Kurang berminat	6	15
Tidak berminat	0	0
Jumlah	40	100

Pada pendapat sebilangan besar subjek, penjodoh bilangan dalam bahasa Cina adalah agak susah. Jadual 7.6 menunjukkan terdapat 2.5% subjek yang berpendapat tajuk penjodoh bilangan itu amat sukar, 72.5% subjek yang menganggap penjodoh bilangan sukar dan cuma 25% subjek yang menganggap penjodoh bilangan itu senang.

Jadual 7.6: Tahap Kesukaran Penjodoh Bilangan Bahasa Cina

Tahap Kesukaran	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Amat sukar	1	2.5
Sukar	29	72.5
Senang	10	25
Amat senang	0	0
Jumlah	40	100

### 7.2.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian dalam penyelidikan ini terdiri daripada soal selidik dan ujian objektif aneka pilihan.

#### 7.2.2.1 Soal Selidik

Soal selidik yang diedarkan kepada pelajar bertujuan memperolehi maklumat latar belakang pelajar contohnya umur, jantina, bahasa pengantar dan sebagainya. Soal selidik yang diedarkan telah diisikan dengan lengkap oleh setiap subjek dalam kajian ini. Berikut merupakan contoh soal selidik yang diedarkan:

## **Soal Selidik Untuk Kajian Analisis Kontrastif & Analisis Kesilapan Dalam Bahasa Melayu Dan Bahasa Cina.**

Soal selidik ini bertujuan mendapat maklum balas para pelajar tentang pembelajaran bahasa Cina dalam topik penjodoh bilangan.

Arahan: Sila jawab semua soalan  
Sila tandakan (✓) dalam petak yang sesuai atau isikan tempat kosong di ruang yang disediakan.

---

1. Jantina:  Lelaki  
 Perempuan

2. Umur: \_\_\_\_\_

3. Fakulti: \_\_\_\_\_

4. Bahasa pengantar anda pada masa persekolahan:

- i) Sekolah rendah  Bahasa Melayu  
 Bahasa Inggeris  
 bahasa lain (sila nyatakan)
- 

- ii) Sekolah menengah  Bahasa Melayu  
 Bahasa Inggeris  
 bahasa lain (sila nyatakan)
- 

- iii) Universiti  Bahasa Melayu  
 Bahasa Inggeris  
 bahasa lain (sila nyatakan)
- 

5. Tahap penguasaan bahasa Melayu:

- amat baik  
 baik  
 sederhana  
 lemah

6. Apakah tujuan anda mengikuti kelas bahasa Cina?

- keperluan kerjaya pada masa depan  
 keperluan kursus  
 berinteraksi dengan orang Cina  
 lain-lain (sila nyatakan)
-

7. Sejauh mana anda berminat dalam pembelajaran bahasa Cina?

- amat berminat
- berminat
- kurang berminat
- tidak berminat

8. Berapa lamakah anda mengulang kaji mata pelajaran bahasa Cina dalam sehari?

- kurang daripada 1 jam
- 1 – 2 jam
- 2 – 3 jam
- lebih daripada 3 jam

9. Adakah anda berminat mempelajari penjodoh bilangan bahasa Cina?

- amat berminat
- berminat
- kurang berminat
- tidak berminat

10. Pada pendapat anda, pembelajaran penjodoh bilangan adalah:

- amat sukar
- sukar
- senang
- amat senang

### **7.2.2.2 Ujian Objektif Aneka Pilihan**

Ujian objektif aneka pilihan yang dijalankan bertujuan untuk meninjau kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh subjek-subjek, sama ada kesilapan-kesilapan itu menepati ramalan yang dibuat dalam analisis kontrastif ataupun tidak.

Penyelidik menyediakan soalan ujian objektif ini berdasarkan 3 buah buku teks yang digunakan oleh subjek dalam kursus bahasa Cina. Kesemua 20 soalan dalam ujian objektif ini ditulis dalam bentuk Hanyu Pinyin. Tiga buah buku teks yang digunakan oleh subjek mengandungi 30 bab. Setiap bab mengandungi satu perbualan dan latihan. Hampir semua pertbaharaan kata dalam ujian dipetik daripada ketiga-tiga buah buku teks tersebut. Subjek-subjek diberi masa 20 minit untuk menjawab soalan dalam ujian. Berikut merupakan contoh kertas ujian objektif aneka pilihan yang disediakan oleh penyelidik:

## Ujian Objektif

Masa : 20 minit

Sila bulatkan jawapan yang betul.

- |                                 |                                  |
|---------------------------------|----------------------------------|
| 1. <b>enam orang</b>            | 6. <b>semangkuk yongtaufu</b>    |
| a) liù rén                      | a) yì wǎn niāngdòufu             |
| b) liù gē rén                   | b) yì pán niāngdòufu             |
| c) liù rén rén                  | c) yì jiā niāngdòufu             |
| 2. <b>tiga orang pelajar</b>    | 7. <b>sepinggan nasi lemak</b>   |
| a) sān xuéshēng                 | a) yì wǎn yējiāngfàn             |
| b) sān gē xuéshēng              | b) yì pán yējiāngfàn             |
| c) sān rén xuéshēng             | c) yì péng yējiāngfàn            |
| 3. <b>berapa orang ?</b>        | 8. <b>sebatang pen mata bola</b> |
| a) jǐ rén                       | a) yì tiáo yuánzībí              |
| b) jǐ rén rén                   | b) yì zhī yuánzībí               |
| c) jǐ gē rén                    | c) yì gē yuánzībí                |
| 4. <b>sehelai baju</b>          | 9. <b>sehelai jean</b>           |
| a) yì zhāng yīfú                | a) yì tiáo niúzǎikù              |
| b) yí jiàn yīfú                 | b) yì zhī niúzǎikù               |
| c) yí miàn yīfú                 | c) yí gē niúzǎikù                |
| 5. <b>senaskah surat khabar</b> | 10. <b>seekor penyu</b>          |
| a) yì běn bāozhǐ                | a) yí gē hǎiguī                  |
| b) yí fèn bāozhǐ                | b) yì zhī hǎiguī                 |
| c) yì mén bāozhǐ                | c) yì tiáo hǎiguī                |

- |  |  |
|--|--|
| <p><b>11 sebuah buku</b></p> <p>a) yí fèn shū<br/>b) yí ge shū<br/>c) yì běn shū</p>                             | <p><b>17 10 minit</b></p> <p>a) 10 fēnzhōng<br/>b) 10 kè<br/>c) 10 diǎn</p>                        |
| <p><b>12 sebuah filem</b></p> <p>a) yì běn diànyǐng<br/>b) yí bù diànyǐng<br/>c) yì zhāng diànyǐng</p>           | <p><b>18 pukul lima</b></p> <p>a) diǎn wǔ<br/>b) wǔ diǎn<br/>c) wǔ ge diǎn</p>                     |
| <p><b>13 sebuah komputer</b></p> <p>a) yí liàng diànnǎo<br/>b) yì zhāng diànnǎo<br/>c) yí ge diànnǎo</p>         | <p><b>19 tiga hari</b></p> <p>a) sān ge tiān<br/>b) sān tiān<br/>c) sān tiān tiān</p>              |
| <p><b>14 sebuah bas</b></p> <p>a) yí ge bāshì<br/>b) yí liàng bāshì<br/>c) yì běn bāshì</p>                      | <p><b>20 empat bulan</b></p> <p>a) sì ge yuè<br/>b) sì yuè yuè<br/>c) sì yuè</p>                   |
| <p><b>15 sebuah penghawa dingin</b></p> <p>a) yí ge lěngqìjī<br/>b) yí liàng lěngqìjī<br/>c) yí jià lěngqìjī</p> | <p><b>21 lima tahun</b></p> <p>a) wǔ ge nián<br/>b) wǔ nián<br/>c) wǔ nián nián</p>                |
| <p><b>16 sekilogram udang</b></p> <p>a) yì gōnglì xiā<br/>b) yì gōngjīn xiā<br/>c) yì gōngfēn xiā</p>            | <p><b>22 enam malam</b></p> <p>a) liù ge wǎnshang<br/>b) liù wǎnshang<br/>c) liù tiān wǎnshang</p> |

**23 tujuh minggu**

- a) qī gē xīngqī
- b) qī xīngqī
- c) xīngqī qī

**25 bunga itu**

- a) huā nà
- b) nà duǒ huā
- c) nà huā

**24 ikan ini**

- a) yú zhè
- b) zhè tiáo yú
- c) zhè yú

### 7.3 Keputusan Ujian Objektif Beraneka Pilihan

Keputusan ujian objektif bagi 40 subjek ditunjukkan dalam Jadual 7.7.

Jadual 7.7: Keputusan Ujian Objektif Mengikut Subjek

Subjek	Jumlah jawapan yang betul	Peratusan(%) jawapan yang betul	Jumlah jawapan yang salah	Peratusan(%) jawapan yang salah
1	20	80	5	20
2	22	88	3	12
3	21	84	4	16
4	23	92	2	8
5	22	88	3	12
6	22	88	3	12
7	22	88	3	12
8	23	92	2	8
9	21	84	4	16
10	22	88	3	12
11	25	100	0	0
12	23	92	2	8
13	20	80	5	20
14	21	84	4	16
15	20	80	5	20
16	25	100	0	0
17	24	96	1	4
18	24	96	1	4
19	20	80	5	20
20	21	84	4	16
21	21	84	4	16
22	23	92	2	8
23	17	68	8	32
24	19	76	6	24
25	17	68	8	32
26	17	68	8	32

27	17	68	8	32
28	17	68	8	32
29	17	68	8	32
30	17	68	8	32
31	18	72	7	28
32	17	68	8	32
33	17	68	8	32
34	19	76	6	24
35	20	80	5	20
36	17	68	8	32
37	16	64	9	36
38	17	68	8	32
39	16	64	9	36
40	18	72	7	28
Purata	19.95	79.8	5.05	20.2

Jadual 7.8: Keputusan Ujian Mengikut Soalan

Soalan	Jumlah jawapan yang betul	Peratusan(%) jawapan yang betul	Jumlah jawapan yang salah	Peratusan(%) jawapan yang salah
1	39	97.5	1	2.5
2	39	97.5	1	2.5
3	33	82.5	7	17.5
4	40	100	0	0
5	25	62.5	15	37.5
6	40	100	0	0
7	40	100	0	0
8	34	85	6	15
9	34	85	6	15
10	17	42.5	23	57.5
11	38	95	2	5
12	29	72.5	11	27.5

13	35	87.5	5	12.5
14	30	75	10	25
15	21	52.5	19	47.5
16	40	100	0	0
17	40	100	0	0
18	40	100	0	0
19	28	70	12	30
20	27	67.5	12	32.5
21	32	80	8	20
22	20	50	20	50
23	26	65	14	35
24	30	75	10	25
25	29	72.5	11	27.5

#### 7.4 Punca-punca Kesilapan

Dalam bahagian ini, penyelidik cuba meneliti dan mengesan punca-punca kesilapan dan juga faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya kesilapan tersebut. Penyelidik cuba menghuraikan punca-punca kesilapan yang dilakukan oleh subjek berdasarkan faktor interlingual dan faktor intralingual yang dikemukakan oleh Richards (1974).

Berdasarkan ujian objektif, 12 soalan yang berkenaan dengan penjodoh nama tunggal telah diberikan oleh penyelidik:

- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| (4) yí jiàn yīfu      | - sehelai baju           |
| (5) yí fèn bāozhǐ     | - senaskhah surat khabar |
| (6) yì wǎn niàngdòufu | - semangkuk yongtaufu    |
| (7) yì pán yējiāngfàn | - sepinggan nasi lemak   |

- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| (8) yì zhī yuánzǐbì   | - sebatang pen mata bola |
| 、(9) yì tiáo niúzǎikù | - sehelai jean           |
| (10) yì zhī hǎiguī    | - seekor penyū           |
| (11) yì běn shū       | - sebuah buku            |
| (12) yí bù diànyǐng   | - sebuah filem           |
| (13) yí gé diànnǎo    | - sebuah komputer        |
| (14) yí liàng bāshì   | - sebuah bas             |
| (15) yí jià lěngqijī  | - sebuah penghawa dingin |

Bagi soalan (4), (6) dan (7), kesemua subjek menjawab dengan betul. Bagi soalan (8), 6 subjek melakukan kesilapan dengan memilih penjodoh nama 条 tiáo untuk pen mata bola. Kesilapan pelajar adalah disebabkan oleh generalisasi melampau. Pelajar memilih 条 tiáo untuk pen mata bola kerana mereka menganggap penjodoh bilangan 条 tiáo digunakan untuk benda yang panjang dan berbentuk batang, maka jika 条 tiáo digunakan untuk jalan raya, 条 tiáo juga boleh digunakan untuk pen mata bola.

Bagi soalan (9) pula, 6 subjek memilih 支 zhī untuk seluar jean. Bagi soalan (12), 8 subjek memilih 本 běn dan 3 subjek memilih 张 zhāng untuk kata nama filem. Subjek-subjek membuat kesilapan adalah kerana mereka tidak tahu penggunaan penjodoh bilangan tersebut. Ini disebabkan oleh bilangan penjodoh bilangan bahasa Cina adalah jauh lebih banyak daripada penjodoh bilangan bahasa Melayu. Bilangan penjodoh bilangan bahasa Cina yang banyak dan perangkaian

penjodoh bilangan dengan kata nama yang lebih rumit menyebabkan pelajar Melayu melakukan kesilapan.

Bagi soalan (5), (10) dan (11), kesilapan pelajar disebabkan oleh generalisasi melampau. Bagi soalan (5), 15 subjek memilih 本 běn untuk kata nama surat khabar. Mereka memilih 本 běn untuk kata nama surat khabar mungkin kerana mereka menganggap surat khabar dan buku adalah sama jenis iaitu bahan bacaan, oleh itu jika 本 běn digunakan untuk buku maka 本 běn juga digunakan untuk surat khabar. Keadaan yang sama juga berlaku untuk soalan (11). Terdapat 2 subjek memilih 份 fèn untuk kata nama buku kerana mereka menganggap jika 份 fèn digunakan untuk kata nama surat khabar maka 份 fèn juga digunakan untuk buku. Bagi soalan (10) pula, seramai 14 subjek yang memilih 条 tiáo untuk kata nama penyu. Ini adalah kerana mereka menganggap jika 条 tiáo digunakan untuk kata nama ikan ( 一条 鱼 yi tiao yu – ‘seekor ikan’ ) maka 条 tiáo juga boleh digunakan untuk penyu kerana kedua-duanya hidupan laut. Terdapat pula 9 subjek memilih 个 gè untuk penyu kerana mereka menganggap 个 gè boleh digunakan untuk dirangkaikan dengan banyak benda. Ini juga disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda kerana penjodoh bilangan buah dalam bahasa Melayu juga boleh dirangkaikan dengan banyak benda seperti penjodoh bilangan 个 gè.

Bagi soalan (13), 35 subjek menjawab dengan betul dengan memilih penjodoh nama 个 gè untuk kata nama komputer tetapi 5 subjek memilih 辆 liàng untuk kata nama komputer. Kebanyakan subjek dapat memilih jawapan yang betul

kerana jawapan ialah ‘个 gè’ di mana subjek-subjek menterjemahkan makna ‘buah’ kepada ‘个 gè’. Bagi soalan (14), terdapat 10 subjek memilih 个 gè untuk kata nama bas kerana mereka menganggap ‘buah’ dalam bahasa Melayu sama dengan ‘个 gè’ dalam bahasa Cina. Kesilapan yang sama berlaku dalam soalan (15) di mana 15 subjek memilih 个 gè untuk kata nama penghawa dingin. Ini adalah disebabkan oleh mereka menganggap makna ‘buah’ dan ‘个 gè’ adalah sama kerana penggunaan ‘buah’ dan penggunaan 个 gè adalah luas. Kesilapan yang dilakukan oleh subjek dalam 3 soalan ini ialah kesilapan interlingual. Pemilihan jawapan oleh subjek dipengaruhi oleh faktor bahasa ibunda mereka.

5 soalan berkenaan dengan kata nama waktu telah diberi dalam ujian objektif ini:

- (19) sān tiān - tiga hari
- (20) sì ge yuè - empat bulan
- (21) wǔ nián - lima tahun
- (22) liù ge wǎnshang - enam malam
- (23) qī ge xīngqī - tujuh minggu

Bagi soalan (19) dan (21), penjodoh nama tunggal 个 gè tidak perlu dirangkaikan dengan kata nama waktu. Terdapat 12 subjek memilih sān ge tiān untuk soalan (19) dan 8 subjek memilih wǔ ge nián untuk soalan (21). Subjek-subjek ini mengetahui bahawa penjodoh nama 个 gè harus dirangkaikan dengan kata nama waktu tetapi mereka tidak sedar terdapat kekecualian untuk kata nama tian dan nian. Penggunaan 个 gè ini disebabkan oleh kejahilan subjek tentang

seketan peraturan dalam perangkaian penjodoh bilangan dengan kata nama waktu dalam bahasa Cina.

Bagi soalan (20), (22) dan (23) peratusan kesilapan adalah agak tinggi. Terdapat 13 subjek memilih *sì yuè* untuk soalan (20), 12 subjek memilih *liù wǎnshàng* dan 8 subjek memilih *liù tiān wǎnshàng* untuk soalan (22) serta 14 subjek memilih *qī xǐngqī* untuk soalan (23). Pada pendapat penyelidik, kesemua subjek yang memilih jawapan tanpa penjodoh nama 个 *gè* telah melakukan kesilapan interlingual. Subjek tersebut dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Mereka terus menterjemahkan frasa nama waktu bahasa Cina kepada bahasa Melayu.

3 soalan yang berkenaan dengan penjodoh nama 个 *gè* ‘orang’ telah diberi:

- |                            |                      |
|----------------------------|----------------------|
| (1) <i>liù gè rén</i>      | - enam orang         |
| (2) <i>sān gè xuéshēng</i> | - tiga orang pelajar |
| (3) <i>jǐ gè rén ?</i>     | - berapa orang ?     |

Bagi soalan (1), hanya seorang subjek yang melakukan kesilapan dengan memilih jawapan *liù rén*. Kesilapan ini dilakukan mungkin kerana subjek ini dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Besar kemungkinan pelajar tersebut telah menterjemahkan enam orang kepada *liù rén*. Bagi soalan (2), terdapat seorang subjek yang memilih jawapan *sān rén xuéshēng*. Subjek ini juga menterjemahkan *sān rén xuéshēng* ke dalam bahasa Melayu iaitu tiga orang pelajar. Bagi soalan (3) pula, terdapat 7 subjek memilih jawapan *jǐ rén*. Kesilapan ini sama dengan kesilapan soalan (1) dan (2) iaitu subjek dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Kesilapan subjek

ialah terus menterjemahkan ‘jǐ rén’ kepada ‘berapa orang’ tanpa menggunakan penjodoh bilangan 个 gè.

3 soalan yang berkenaan dengan penjodoh bilangan standard dalam bahasa Cina telah diberikan:

- |                     |                    |
|---------------------|--------------------|
| (16) yì gōngjīn xiā | - sekilogram udang |
| (17) shí fēnzhōng   | - 10 minit         |
| (18) wǔ diǎn        | - pukul 5          |

Semua subjek telah memilih jawapan yang betul bagi ketiga-tiga soalan ini.

2 soalan yang berkenaan dengan kata sifat tunjuk dengan penjodoh bilangan telah diberi:

- |                  |             |
|------------------|-------------|
| (24) zhè tiáo yú | - ikan ini  |
| (25) nà duǒ huā  | - bunga itu |

Dalam bahasa Melayu, kata nama yang dirangkaikan dengan kata sifat tunjuk ‘ini’ dan ‘itu’ tidak perlu mengambil penjodoh bilangan. Sebaliknya dalam bahasa Cina, kata sifat tunjuk 这 zhè ‘ini’ dan 那 nà ‘itu’ yang menerangkan kata nama wajib dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sesuai.

Terdapat 9 subjek yang memilih jawapan yang salah iaitu zhè yú untuk soalan (24) dan 10 subjek memilih nà huā untuk soalan (25). Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh daripada bahasa ibunda mereka kerana dalam bahasa Melayu penjodoh bilangan tidak perlu diselitkan. Selain itu, terdapat seorang subjek yang memilih yú zhè bagi soalan (24) dan seorang subjek yang memilih huā nà untuk soalan (25). Kesilapan mereka juga disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda. Mereka

menterjemahkan frasa bahasa Melayu tersebut kepada frasa bahasa Cina secara langsung.

Sebagai kesimpulan, soalan-soalan yang menguji penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina telah mendedahkan beberapa kesilapan yang mungkin disebabkan oleh bahasa ibunda. Walau bagaimanapun, kesilapan tersebut bukan berpunca daripada satu sebab sahaja. Sebahagian daripada punca kesilapan tersebut adalah berkaitan dengan generalisasi melampau dan kejahilan terhadap sekatan peraturan bahasa sasaran.

## **7.5 Perbandingan Antara Dapatan Analisis Kontrastif dengan Analisis Kesilapan**

Perbandingan antara dapatan analisis kontrastif dan analisis kesilapan menunjukkan bahawa:

- i) Penjodoh bilangan merupakan ciri yang amat menonjol dalam bahasa Cina. Daripada hasil analisis kontrastif, didapati pelajar-pelajar Melayu mungkin menghadapi masalah dalam menggunakan penjodoh bilangan bahasa Cina yang sesuai untuk sesuatu kata nama. Masalah ini timbul kerana terdapat kata-kata nama yang dapat dirangkaikan dengan pelbagai jenis penjodoh bilangan dalam bahasa Cina tetapi mengambil penjodoh bilangan yang sama dalam bahasa Melayu. Daripada analisis kesilapan, terdapat 10 subjek yang memilih jawapan *yí ge bāshì* untuk soalan ‘sebuah bas’ dan 15 subjek memilih *yí ge lěngqījī* untuk soalan ‘sebuah penghawa dingin’. Ini adalah kerana subjek menganggap 个 gè seperti

penjodoh bilangan buah dalam bahasa Melayu, boleh digunakan untuk pelbagai jenis benda, tetapi mereka tidak tahu bahawa 个 gè tidak digunakan untuk bas dan penghawa dingin. Contohnya 个 gè boleh dirangkaikan dengan 苹果 píngguǒ ‘epal’，故事 gǔshì ‘cerita’，问题 wèntí ‘soalan’，学生 xuéshēng ‘pelajar’，小时 xiǎoshí ‘jam’ dan sebagainya. Dalam bahasa Melayu, penjodoh bilangan ‘buah’ boleh dirangkaikan dengan pelbagai jenis benda yang mempunyai ciri-ciri yang amat berbeza contohnya rumah, buku, kereta, komputer, wayang dan sebagainya. Dalam bahasa Cina, kata nama 巴士 bāshì boleh dirangkaikan dengan penjodoh nama 车 liàng dan juga 部 bù; manakala kata nama 冷气机 lěngqìjī boleh dirangkaikan dengan 架 jià dan juga 台 tái.

Pelajar Melayu menghadapi masalah memilih penjodoh bilangan yang tepat untuk sesuatu kata nama. Ini adalah kerana penjodoh bilangan bahasa Cina bukan sahaja lebih banyak daripada penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu, malahan perangkaian penjodoh bilangan bahasa Cina dengan kata nama adalah lebih kompleks. Dalam banyak keadaan, penggunaan penjodoh bilangan yang tepat perlu dihafal oleh pelajar-pelajar Melayu.

- ii) Analisis kontrastif dalam Bab 6 menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu, kata bilangan boleh dirangkai terus dengan kata nama waktu tanpa penjodoh bilangan. Tetapi dalam bahasa Cina, penjodoh bilangan perlu untuk merangkaikan kata bilangan dan kata nama waktu dalam sesetengah keadaan . Bagi soalan (19), terdapat 12 subjek yang memilih sān ge tiān untuk ‘tiga hari’ . Bagi soalan (20), terdapat

13 subjek memilih jawapan *sì yuè* untuk ‘empat bulan’ . Terdapat 8 subjek memilih *wǔ gè nián* untuk ‘lima tahun’ dalam soalan (21) dan 12 subjek memilih *liù wǎnshāng* untuk ‘enam malam’ . Manakala bagi soalan (23), seramai 14 subjek memilih *qī xīngqī* untuk ‘tujuh minggu’ . Pelajar melakukan kesilapan adalah kerana mereka terus menterjemahkan jawapan dalam bahasa Melayu ke bahasa Cina contohnya ‘tujuh minggu’ kepada *qī xīngqī*.

Dapatlah disimpulkan bahawa sesetengah kontruksi dalam bahasa Cina yang berbentuk [ Kata Bilangan + Penjodoh Bilangan + Kata Nama Waktu ] yang berbeza dengan kontruksi [ Kata Bilangan + Kata Nama Waktu ] dalam bahasa Melayu mendatangkan masalah pembelajaran kepada pelajar-pelajar Melayu.

iii) Analisis Kontrastif menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu, kata nama ‘orang’ tidak boleh dirangkaikan dengan penjodoh bilangan ‘orang’ , tetapi dalam bahasa Cina kata nama 人 *rén* ‘orang’ wajib dirangkaikan dengan penjodoh bilangan 个 *gè*. Daripada Analisis Kesilapan, didapati ada seorang subjek memilih jawapan *liù rén* untuk soalan ‘enam orang’ . Terdapat 7 subjek memilih jawapan *jǐ rén* untuk soalan ‘berapa orang’ . Ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang menghadapi masalah dalam penggunaan penjodoh bilangan 个 *gè* untuk kata nama yang berkaitan dengan manusia.

iv) Daripada keputusan ujian, didapati subjek-subjek tidak menghadapi masalah dalam penggunaan penjodoh bilangan standard dalam bahasa Cina. Ini adalah kerana sebahagian besar makna kata ukuran dalam bahasa Melayu adalah sama dengan

penjodoh bilangan standard dalam bahasa Cina. Apabila subjek dapat menghafal makna penjodoh bilangan tersebut, maka subjek dapat menggunakan penjodoh bilangan standard yang betul.

v) Dalam bahasa Cina, kata sifat tunjuk 这 zhè ‘ini’ dan 那 nà ‘itu’ yang menerangkan kata nama perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sesuai. Daripada Analisis Kesilapan yang dijalankan, didapati dalam soalan (24) ada 9 subjek yang memilih zhè yú untuk ‘ikan ini’ iaitu tanpa penjodoh bilangan 条 tiáo. Terdapat 10 subjek memilih nà huā ‘bunga itu’ iaitu tanpa penjodoh bilangan 朵 duǒ bagi soalan (25). Dengan kesilapan ini, dapat dikatakan bahawa kontruksi bahasa Cina yang terdiri daripada [ KST + PB + KN ] yang berbeza dengan kontruksi [ KN + KST ] dalam bahasa Melayu menimbulkan masalah pembelajaran kepada sebilangan pelajar Melayu.